

Mencorak blog bertanggungjawab

B.H. m/s 10 3.5.07

Akta sedia ada boleh jadi asas tindakan ke atas kesalahan di internet

Oleh Mohamad Sofee Razak

TREND memiliki blog peribadi atau syarikat dilihat semakin berkembang pesat di Malaysia. Inovasi teknologi siber ini membuka lembaran baru kepada korpus penulisan dan dunia intelektual komuniti internet dunia.

Blog adalah singkatan daripada dua perkataan – web dan blog atau 'weblog'. Penggunaan perkataan web blog dimulakan Jorn Barger pada 17 Disember 1997. Namun, seorang pelajar di Kolej Swarthmore, Amerika Syarikat, iaitu Justin Hall dipercayai menceburi dunia penulisan blog hampir lapan tahun sejak 1994 lagi. Beliau antara blogger terawal dan impaknya penulisan blog membuka lanskap dan dimensi baru dunia penulisan moden.

Secara tidak sengaja pada Mei 1999, seorang pengamal dan pemilik blog Peterme.com, Peter Melholz, sambil bergurau memecahkan perkataan web blog kepada 'we blog' bersama rakannya menerusi laman blognya. (<http://en.wikipedia.org/wiki/Blog>).

Perkataan blog akhirnya diterima pakai masyarakat blog dan pembaca di seluruh dunia secara meluas. Blog dibina dan disalurkan cetusan peribadi, komentar, ulasan atau berita mengenai sesuatu topik

INTI PATI

Sejarah blog

- Blog adalah singkatan daripada dua perkataan – web dan blog atau 'weblog'.
- Penggunaan perkataan web blog dimulakan Jorn Barger pada 17 Disember 1997.
- Pada Mei 1999, seorang pengamal dan pemilik blog Peter Melholz memecahkan perkataan web blog kepada 'we blog'.
- Blog dibina dan disalurkan cetusan peribadi, komentar, ulasan atau berita mengenai sesuatu topik.
- Penulisan blog lebih berbentuk jurnal dan catatan diari dengan isi kandungannya boleh dan ingin dikongsikan bersama di internet.
- Pembaca boleh berinteraksi serta memberikan komen dan ulasan membina ke atas catatan dibuat oleh pengamal blog.

Dalam kes Sim Iwn Stretch (1936) 2 ALL ER 1237, mahkamah di England memutuskan fitnah adalah penerbitan kenyataan yang menunjukkan reputasi seseorang dan kecenderungan merendahkan seseorang dalam penilaian masyarakat yang berfikir waras amnya, atau membuat mereka menjauhi atau mengelaknya.

● Akta Rahsia Rasmi 1972:

Akta ini terpakai kepada semua warga Malaysia, bukan warga negara, pegawai dalam perkhidmatan awam, mereka yang dipertanggungjawabkan dengan maklumat, kontraktor kerajaan sekarang atau lepas, bekas kakitangan kerajaan, semua pengarah syarikat dan badan korporat dan setiap anggota perkongsian atau firma berurusan dengan kerajaan.

Seksyen 25 akta itu menerangkan undang-undang ini beroperasi secara luar wilayah, dengan kesalahan dilakukan di bawah akta ini boleh didakwa setempat, walaupun fakta kesalahan dilakukan di luar negara.

● Akta Iklan Lucah 1953:

Akta ini bertujuan menyekat iklan lucah dan iklan mengenai penyakit berkaitan dengan seks. Seksyen 3 akta itu menyatakan menjadi kesalahan meletak atau menulis di rumah, bangunan, dinding, pintu, pagar, tiang, papan, pokok atau tempat buang air

dang-Undang dan Peraturan Media. Singapura: Asian Media Information and Communication Centre)

● Akta Hakcipta 1987:

Akta ini bertujuan melindungi hasil literari, hasil drama, filem, hasil muzik dan hasil kesenian. Penerbit, pengarang, atau pencipta mana-mana hasil itu mempunyai hak eksklusif mengawal penerbitan, pengedaran, penyiaran dan sebagainya dalam apa juga bentuk termasuk di internet.

Pengecualian diberikan kepada penyelidikan tanpa keuntungan, pengajian dan kritikan peribadi, ulasan atau laporan peristiwa terkini. Bagaimanapun, penghargaan terhadap hasil kerja pengarang atau pencipta perlu dinyatakan.

Seksyen 4(3) akta ini turut membolehkan program komputer, foto dan filem, penyiaran rakaman bunyi, objek, simbol dan sebagainya. Seksyen 7(2) akta itu menerangkan bahawa karya dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya itu dihasilkan.

● Akta Kesalahan Komputer 1997:

Seksyen 3 akta ini pula memperuntukkan bahawa seseorang yang mendapat akses tanpa kebenaran kepada bahan komputer adalah melakukan kesalahan. Sekiranya didapati bersalah, hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum lima

merangkumi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial, teknologi, kehidupan seharian, pendidikan, kesenian, hobi dan sebagainya.

Penulisan blog lebih berbentuk jurnal dan catatan diari dengan isi kandungannya boleh dan ingin dikongsikan untuk tatapan umum di internet. Di sini, pembaca boleh berinteraksi serta memberikan komen dan ulasan membina ke atas catatan dibuat.

Memandangkan blog semakin mendapat tempat di khalayak dan minda masyarakat global serta menjadi alternatif interaksi dan informasi, pengamal blog harus prihatin dan bertanggungjawab ke atas segala maklumat, berita dan sumber ingin dikongsikan bersama pembaca.

Komuniti dan pengamal blog kini terdedah dengan usaha, taktik dan elemen hasutan, fitnah, penipuan, penyelewengan dan penyebaran sumber palsu secara sengaja atau tidak sengaja.

Implikasi undang-undang ke atas blog tidak bertanggungjawab, menipu, meniru, memplagiat, menceduk, mencetak rompak, menyebarkan maklumat palsu sewenang-wenangnya dan mengelirukan amat berat dengan pemantauan tegas serta hukuman setimpal disediakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Antaranya:

● Akta Hasutan 1948:

Seksyen 2 akta itu mengatakan setiap

perbuatan, ucapan, perkataan atau penerbitan adalah menghasut sekiranya ia mempunyai 'kecenderungan menghasut'.

Dalam kes *Pendakwa Raya Iwn Param Cumarasamy* [1986] 1 MLJ 518, mahkamah memutuskan adalah dikira menghasut sekiranya menimbulkan kebencian, menghina atau merangsang ketidakpuasan hati terhadap mana-mana pemerintah atau kerajaan. Keadaan yang boleh menyebabkan ketidaksetiaan, permusuhan dan menghinakan keadilan dalam negara juga satu bentuk hasutan.

Mahkamah memutuskan dalam kes *Melan Abdullah Iwn pendakwa raya* [1971] 2 MLJ 280, bahawa kecenderungan menghasut apabila menyoal peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 yang berkaitan bahasa, kerakyatan, keistimewaan orang Melayu dan pribumi Sabah dan Sarawak serta kedaulatan pemerintah.

● Akta Fitnah 1975:

Akta ini bertujuan menerangkan kenyataan yang boleh dikategorikan sebagai memfitnah dengan kenyataan dibuat bertujuan memperkecilkan seseorang dalam jawatannya, profesinya, pekerjaannya, dagangan atau perniagaan.

Kenyataan palsu memburukkan reputasi seseorang dengan mendedahkannya kepada kebencian, penghinaan dan cemuhan adalah fitnah.

atau mana-mana benda, gambar lucah atau sumbang atau alat bertulis atau cetak.

Walaupun akta ini tidak secara khusus menyentuh pengiklanan di internet, perkataan 'atau mana-mana benda sekalipun' amat membantu menyekat iklan lucah yang kian meluas di internet.

Seksyen 5 dan 6 akta itu menerangkan iklan hal berkaitan perhubungan kelamin dianggap lucah dan dilarang keras.

Akta Perihal Dagangan 1972 melarang iklan palsu dan mengelirukan mengenai barang, harga, perkhidmatan, penginapan atau kemudahan ditawarkan dalam perniagaan dan perdagangan.

Akta ini boleh dijadikan asas kepada jualan dan pembelian menerusi medium internet seperti buku, pakaian, cakera padat, pemasaran pelbagai peringkat (MLM), saham dan sebagainya.

● Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Media 1998"

Menurut Profesor Dr Shad Saleem Faruqi dan Profesor Dr Sankaran Ramathan (2000) dalam magnum opus mereka, Undang-Undang dan Peraturan Media di Malaysia, akta ini bertujuan mengawal untuk kebaikan jangka panjang pengguna komunikasi dan media bagi memastikan keselamatan maklumat dan rangkaian boleh dipercayai serta berintegriti. (Shad Saleem Faruqi & Sankaran Ramanathan, 2000. Un-

tahun atau kedua-duanya boleh dijatuhkan.

Walaupun akta di atas tidak menyebut dan menyentuh secara spesifik berkenaan aktiviti blog di internet, beberapa peruntukkan dalam akta berkenaan boleh menjadi asas kepada pemantauan blog yang tidak bertanggungjawab dan menyalahi etika penulisan.

Mahkamah adalah tempat terbaik untuk menafsirkan akta berkenaan sekiranya jenayah blog dibawa ke muka pengadilan. Setakat ini ada satu kes pertama berkaitan penulisan dan pengendalian blog tempatan yang didakwa tidak bertanggungjawab dan mengelirukan khalayak, sudah dibawa ke mahkamah.

Keputusan mahkamah berkenaan mengenai kes ini bakal menjadi penentu dan mencorak hala tuju penulisan blog di Malaysia. Apa yang penting ialah satu kod etika penulisan blog perlu diwujudkan oleh kerajaan, penulis dan pengamal blog hendaklah lebih bertanggungjawab, telus, jujur, amanah dan mempunyai integriti ke atas fenomena penulisan blog di negara kita dan seluruh dunia amnya.

Penulis adalah lulusan Sarjana Komunikasi Massa dan Sarjana Muda Undang-Undang UiTM dan kini bertugas sebagai peguam